PEJABAT DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

Kenyataan Media
21 Mac 2020

Kawalan Tambahan Kepada Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Berkaitan Penularan Wabak COVID-19

Satu Mesyuarat Koordinasi 'Selangor Gempur COVID-19' Bersama-sama Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Pegawai-pegawai Daerah Negeri Selangor telah saya pengerusikan pada hari Jumaat 20 Mac 2020.

Mesyuarat ini antara lain untuk menyelaras tindakan tindakan yang perlu diambil bagi tujuan menguatkuasa tindakan-tindakan tambahan susulan Perintah Kawalan Pergerakan yang diumumkan oleh Kerajaan Persekutuan.

Kerajaan Negeri sangat memandang serius akan kegagalan segelintir masyarakat yang masih mengabaikan arahan duduk di rumah selain dari keperluan kritikal yang telah digariskan. Ini memungkinkan dampak penularan wabak Covid-19 berpotensi berpanjangan hanya kerana ketidakpatuhan masyarakat yang sebetulnya boleh ditangani.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri melalui koordinasi PBT-PBT seluruh Selangor akan menguatkuasakan tindakan-tindakan yang digariskan di bawah **pada kadar serta merta**. (Sila rujuk Lampiran A).

Arahan-arahan ini **berkuatkuasa serta merta sehingga 31 Mac 2020** sebagaimana ditetapkan melalui Perintah Kawalan Pergerakan yang diumumkan oleh Kerajaan Persekutuan.

Kerajaan Negeri Selangor berharap agar pelaksanaan tindakan-tindakan ini dapat dihormati dan dipatuhi sewajarnya oleh seluruh rakyat negeri Selangor.

DATO' SERI AMIRUDIN SHARI
Dato' Menteri Besar Selangor

LAMPIRAN A

KAWALAN TAMBAHAN KEPADA PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERKAITAN PENULARAN WABAK COVID-19 PERINGKAT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR

BIL	PERKHIDMATAN	KOMPONEN	STATUS OPERASI	CATATAN
1.	BAHAN API DAN PELINCIR	1. STESEN MINYAK	DIBENARKAN	KEDAI SERBANEKA HENDAKLAH DIHADKAN SEHINGGA JAM 12 TENGAH MALAM SAHAJA
		2. PENGELUARAN/ PENAPISAN/ PENYIMPANAN/ PEMBEKAL/ PENGEDARAN	DIBENARKAN	
		3. PENTADBIRAN AM/ LAIN-LAIN	DIBENARKAN BEROPERASI PADA KADAR MINIMA/ BEKERJA DARI RUMAH	
2.	PEMBEKALAN DAN PERKHIDMATAN PENYEDIAAN MAKANAN i. RESTORAN / WARUNG ii. RESTORAN DALAM HOTEL	1. PEMBEKALAN BAHAN MENTAH	DIBENARKAN	6:00 PAGI SEHINGGA 12:00 TENGAH MALAM SAHAJA
		2. PEMBUNGKUSAN (*TAKE AWAY*)	DIBENARKAN	
		3. PENGHANTARAN (*DELIVERY*)	DIBENARKAN	
		4. PANDU LALU	DIBENARKAN	
		5. *DINE IN*	TIDAK DIBENARKAN	
	iii. PENJAJA KECIL/ *FOOD TRUCK*/ *FOOD COURT*	TIDAK DIBENARKAN		
3.	PERUNCITAN	1. PASARAYA	DIBENARKAN UNTUK BAHAGIAN PERUNCITAN (*GROCERIES*) DAN MAKANAN SAHAJA SEHINGGA 12:00 TENGAH MALAM	1. PENGHANTARAN (*DELIVERY*) DIBENARKAN 2. BILANGAN PEMBELI (SETIAP KELUARGA) PERLU DIHADKAN
		2. KEDAI RUNCIT/ SERBANEKA	DIBENARKAN SEHINGGA 12:00 TENGAH MALAM	
		3. PASAR AWAM/ PASAR BORONG	DIBENARKAN DARI JAM 5:00 PAGI SEHINGGA 4:00 PETANG	
		4. PASAR MALAM/ PASAR TANI	TIDAK DIBENARKAN	
4.	PEMBAIKAN KENDERAAN	1. PERKHIDMATAN PEMBAIKAN, KEDAI ALAT GANTI	DIBENARKAN 9:00 PAGI SEHINGGA 4:00 PETANG	
		2. TOWING SERVICE	DIBENARKAN	
5.	CUCIAN	1. DOBI/ DOBI LAYAN DIRI	TIDAK DIBENARKAN	
		2. PUSAT CUCIAN KERETA/ MOTOSIKAL		